Selasa, 15 Oktober 2019 | 2:16pm



CREST Builder Holdings Bhd (Crest Builder)

# Crest Builder dapat kontrak RM155.1 juta

KUALA LUMPUR: Crest Builder Holdings Bhd (Crest Builder) melalui anak syarikat milik penuhnya, Crest Builder Sdn Bhd, dianugerahkan kontrak bernilai RM155.1 juta bagi cadangan pembinaan Plaza@Kelana Jaya daripada Glomac Segar Sdn Bhd.
(mailto:KUALA LUMPUR: Crest Builder Holdings Bhd (Crest Builder) melalui anak syarikat milik penuhnya, Crest Builder Sdn Bhd, dianugerahkan kontrak bernilai RM155.1 juta bagi cadangan pembinaan Plaza@Kelana Jaya daripada Glomac Segar Sdn Bhd.)

Ia berkata tempoh kontrak yang ditetapkan dalam surat penerimaan itu adalah 24 bulan bermula 15 November 2019.

“Kontrak itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan seterusnya,” katanya dalam kenyataan yang difailkan di Bursa Malaysia hari ini.

Crest Builder sebelum ini berkata, ia juga berhasrat membida projek-projek bukan infrastruktur Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) seperti stesen depoh di Negeri Sembilan dan Pahang Barat.

Syarikat itu mengambil bahagian dalam proses kelayakan awal Mei lalu, dengan keputusannya akan diumumkan menjelang akhir tahun ini.

# Berita Berkaitan







(/node/145364)




(/bisnes/korporat/2019/03/543157/glomac-untung-rm14-juta-pada-suku-kewangan-ketiga)